

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN ALI ANAK BIJU [SARATOK]**

**TARIKH : 17.10.2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan di Sarawak, Jawatankuasa pemilihan atau Focus group yang di pertanggungjawabkan bagi pemilihan penerima bantuan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) terdiri daripada ketua-ketua kaum dan wakil agensi- agensi di bawah pegangan Kerajaan Negeri. Apakah kewajaran mengekalkan mekanisme ini sebab kaedah kini tidak menampakkan bantuan ini adalah inisiatif Kerajaan Persekutuan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian sentiasa mengekalkan kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk Kerajaan Negeri bagi menyalurkan bantuan rumah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT). Ini bagi memastikan bantuan dapat disampaikan kepada kumpulan sasar dengan lebih berkesan.
2. Sebagai makluman Yang Berhormat, sumber data utama bagi permohonan bantuan PPRT adalah melalui Bank Data Kemiskinan Nasional (e-Kasih) dan senarai daripada *Focus Group Daerah/ Negeri*. Walau bagaimanapun, penerimaan bantuan tidak terhad kepada dua sumber ini sahaja.
3. Kementerian turut memberi perhatian terhadap aduan melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) dan menerima permohonan secara individu/ berkelompok yang dihantar terus kepada Kementerian. Wakil Rakyat turut boleh mengemukakan permohonan terus kepada Kementerian.
4. Selain itu, bagi memastikan tiada golongan yang tertinggal, Kementerian turut mengadakan program *search and assist* yang dilaksanakan oleh pegawai kementerian serta agensi. Kepelbagaiannya sumber permohonan PPRT memastikan bantuan dapat diberikan dengan lebih menyeluruh.
5. Permohonan yang diterima sama ada melalui sistem eKasih, *focus group* atau permohonan terus akan melalui proses siasatan oleh agensi pelaksana Kementerian. Kelulusan ditentukan di peringkat Kementerian mengikut tatacara pelaksanaan PPRT yang telah digariskan serta jumlah peruntukan semasa.
6. Kementerian berpandangan bahawa mekanisme yang digunakan masih lagi bersesuaian pada masa ini. Kementerian bersedia menerima pandangan dan cadangan untuk menambah baik pelaksanaan bantuan dari masa ke semasa mengikut keperluan.

Sekian, terima kasih.